

# **Cara Mengatasi Gejala Lepak Di Kalangan Remaja**

## **(part 2)**

**Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya**

Sekolah adalah institusi yang mencorak minda remaja kepada perkara-perkara yang baik. Oleh itu, institusi ini boleh diperkasakan agar dapat membendung masalah lepak yang melanda. Melalui pendekatan akademik dapat dilakukan dengan cara menambahkan aktiviti-aktiviti berteraskan akademik dan separa akademik seperti kegiatan ko-kurikulum di sekolah. Begitu juga dengan perubahan-perubahan teknik pengajaran seperti penggunaan komputer, video, bantuan alat pandang dengar dan teknik pengajaran luar kelas. Sistem perundangan di sekolah harus diwujudkan seperti peruntukan undang-undang di peringkat sekolah yang boleh menimbulkan rasa takut di kalangan pelajar, di samping mengurangkan beban dan tanggungjawab pihak sekolah dan pihak ibu bapa dalam pengawasan disiplin. Selain itu, pihak pentadbir sekolah boleh menggunakan bidang kuasa polis yang sedia ada bagi membantu pihak pentadbir dalam mendisiplinkan pelajar-pelajar. Pihak pentadbir hendaklah mengambil kesempatan dengan merujuk masalah pelajar ini kepada pihak polis. Langkah-langkah pencegahan yang bersesuaian juga hendaklah diadakan seperti kaunseling di peringkat sekolah. Kaunseling di peringkat sekolah adalah penting dalam membantu remaja mengatasi masalah mereka. Program ini akan lebih bermakna sekiranya kaunselor-kaunselor yang berkelayakan dan berpengalaman dilantik dalam memantapkan pelaksanaan dan keberkesanan kaunseling tersebut. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlulah memainkan peranan yang penting. Pertemuan yang lebih kerap antara ibu bapa, penjaga dan guru perlu diadakan khasnya bagi pelajar-pelajar yang bermasalah. Ibu bapa seharusnya menerima teguran daripada guru dengan sikap terbuka dan positif. Keadaan ini akhirnya dapat mewujudkan hubungan dua hala yang erat antara ibu bapa dan guru